

16/01/1997

Kelantan mansuhkan kadi negeri

KOTA BHARU, Rabu - Kerajaan Pas Kelantan hari ini mengumumkan pemansuhan semua pejabat kadi negeri, selaras langkah Kerajaan Persekutuan menyusun semula pentadbiran Mahkamah Syariah.

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) Pembangunan Islam, Pendidikan dan Dakwah, Muhammad Daud, berkata berikutan itu, jawatan Kadi Besar akan diganti dengan Ketua Hakim Syarie negeri.

"Penyusunan semula ini membabitkan pewujudan 36 jawatan baru dengan 31 kakitangan akan diserapkan ke Mahkamah Syariah, manakala 29 yang lain dipindahkan ke Jabatan Hal Ehwal Agama Islam.

"Kita sudah mengenal pasti sebahagian daripada kadi yang ada untuk dilantik sebagai Hakim Syarie mengikut kelayakan, manakala bakinya akan berkhidmat dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat mingguan Exco, di Kota Darul Naim, di sini, hari ini.

Beliau bagaimanapun, mengakui Kelantan agak terlewat dalam proses penyeragaman itu, walaupun beberapa negeri sudah melaksanakannya lebih awal.

Julai lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan pentadbiran Mahkamah Syariah di seluruh negara akan disusun semula, di samping menyeragamkan perkhidmatan pegawai Hal Ehwal Agama Islam.

Dr Mahathir juga mengumumkan cadangan penubuhan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia oleh Kerajaan Persekutuan yang diketuai Ketua Hakim Syarie di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Langkah penyusunan semula itu dibuat selepas mengambil kira kelemahan sistem sedia ada, selain memenuhi desakan supaya penyelarasan itu dilakukan.

Muhammad berkata, peraturan baru itu akan berkuatkuasa tidak lama lagi.

"Penyusunan semula ini bermakna urusan pentadbiran Mahkamah Syariah dan soal nikah cerai akan diasingkan.

"Jika dulu kadi berfungsi di Mahkamah Syariah dan pejabat kadi, kini kita memastikan Hakim Syarie bertugas di mahkamah, manakala masalah lain seperti pernikahan dan perceraian dikendalikan pegawai agama," katanya.

Muhammad berkata, penyusunan semula itu membabitkan perbelanjaan sebanyak RM657,748 yang diluluskan dalam Belanjawan Negeri 1997, yang dibentangkan Oktober lalu.

(END)